

**Isu PAS Dakwa Calon PKR Tangkap Muat' Sudah Selesai, Kata Anwar  
Bernama  
23 April, 2013**

MELAKA, 23 April (Bernama) -- Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata isu PAS mendakwa beberapa calon PKR sebagai "calon tangkap muat" sudah selesai.

"Kita telah selesai isu itu (calon) dengan baik. Alhamdulillah sedikit pun tak ada masalah," katanya kepada pemberita selepas berucap pada ceramah PKR di Sungai Udang di sini Selasa.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang ada calon PKR yang terlibat dengan penjualan pil kuda serta menjulang gambar tokoh berfahaman komunis.

PKR bertanding di tiga kawasan Parlimen dan tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri di Melaka pada pilihan raya umum ke-13.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944634>